



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP)  |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 11 Jun 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## LPG issue: 10 F&B bodies asked to gather feedback

PUTRAJAYA: A total of 10 food and beverage sales associations have been asked to gather feedback from their respective members and submit a memorandum of proposals regarding amendments to the Control of Supplies Regulations (PPKB) 2021.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (pic) said the memorandum should be submitted to the Technical Review Committee on Amendments, chaired by the Secretary-General of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

He said an engagement session with the 10 associations was held Tuesday to scrutinise proposed amendments to restrictions on the use of subsidised liquefied petroleum gas (LPG) in trade and business, including considering the needs



of micro and small-scale food and beverage vendors.

“Various recommendations and views have been put forward. Among the matters to be considered are the amendment parameters related to defining the business scale of the food and beverage sales involved.

“Additionally, careful consideration is needed for business ownership status, quantity requirements, control and reporting mechanisms, monitoring and enforcement effectiveness, and strategies to curb leakages comprehensively,” he said via his official Facebook page.

The Cabinet Meeting on June 5 had agreed to KPDN’s recommendation to amend the provisions of the PPKB gazetted in 2021, but details on several matters need to be finalised to ensure legal clarity.

Also present at the engagement session was Rasah MP Cha Kee Chin, who is the chairman of the Special Select Committee on Domestic Trade, Entrepreneurship, Cost of Living and Agriculture.

## Gas LPG: KPDN syor persatuan restoran dapatkan pandangan ahli



ARMIZAN

**SHAH ALAM** - Persatuan restoran disarikan mendapatkan pandangan ahli masing-masing dan mengumakan memorandum cadangan kepada Jawatankuasa Teknikal Semakan Pindaan mengenai had penggunaan tong gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, jawatankuasa yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar akan me-

neliti setiap cadangan dan syor di berikan.

"Hari ini saya bersama dalam Sesi Libat Urus Cadangan Pindaan kepada Peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 (PPKB) dan fokus pertemuan adalah untuk memindah peruntukan berkaitan sekatan had penggunaan LPG bersubsidi dalam perdagangan dan perniagaan, termasuk mengambil kira keperluan LPG bersubsidi bagi peniaga jualan makanan serta minuman berskala mikro dan kecil. "Pelbagai syor dan pandangan

telah dikemukakan. Sebagaimana kelulusan Kabinet pada 5 Jun 2025 terhadap syor KPDN, kerajaan ber-setuju meminda peruntukan PPKB yang diwartakan, namun perlu ditetapkan perincian terhadap beberapa perkara agar adanya kejelasan undang-undang," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Selasa.

Sesi libat urus tersebut disertai 10 persatuan berkaitan turut disertai Pengurus Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian merangkap Ahli

Parlimen Rasah, Cha Kee Chin.

Dalam pada itu Armizan menjelaskan, pindaan peruntukan PPKB melibatkan pertimbangan parameter pindaan mengenai definisi peringkat pembiagaan jualan makanan dan minuman terlibat.

Selain itu menurutnya, turut diberi perhatian adalah pertimbangan status pemilikan perniagaan, jumlah keperluan, mekanisme kawalan dan pelaporan, keberkesanannya pemantauan dan penguatkuasaan serta strategi mengekang ketirisan secara menyeluruh.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Naikkan ambang perolehan tahunan SST PMKS ke RM2 juta

**PETALING JAYA:** Kerajaan dis-

ran menaikkan ambang perolehan tahunan bagi kelayakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) daripada RM500,000 kepada sekurang-kurangnya RM2 juta bagi memastikan hanya perniagaan sederhana dan besar tertakluk kepada peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Samenta), Datuk William Ng berkata, langkah itu penting bagi mengurangkan kesan terhadap PMKS apabila peluasan SST mula berkuat kuasa pada 1

Julai 2025.

Katanya, semua perusahaan mikro dan kecil seperti yang ditakrifkan oleh SME Corp. wajar dikecualikan sepenuhnya atau diberikan kelonggaran yang munasabah.

"Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga perlu mengeluarkan garis panduan khusus mengikut sektor bagi memban-

tu PMKS memahami kewajipan cukai mereka di bawah pelaksanaan SST baharu.

"Tanpa panduan yang jelas, banyak PMKS berisiko melakukannya ketidakpatuhan secara tidak sengaja walaupun kerajaan menangguhkan penguat-

kuasaan penuh sehingga akhir 2025," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelasnya, JKDM perlu menjelaskan sama ada syarikat dibenarkan mengenakan SST mengikut tarikh invois dan bukannya berdasarkan kutipan bayaran, memandangkan ramai peniaga telah mengeluarkan invois lebih awal.

"Ketidakpastian ini boleh menyebabkan kekeliruan mengenai liabiliti cukai dalam tempoh peralihan," katanya.

William berkata, meskipun kerajaan berhasrat memperkuuh hasil negara menerusi peluasan SST, masa dan ka-

dah pelaksanaan menyebabkan keimbangan dalam kalangan PMKS yang kini bergelut dengan pelbagai cabaran.

"Antaranya, peningkatan kos input, kelembapan permintaan luar, penyusutan perbelanjaan pengguna serta ketidaktentuan pasaran global termasuk tarif timbal balik Amerika Syarikat (AS) yang dijangka berkuat kuasa semula pada 9 Julai ini.

"Dalam situasi ini, pelaksanaan SST tanpa pengecualian yang mencukupi hanya akan meningkatkan beban kos kepada perniagaan.

"Kesan ini bukan sahaja

melibatkan kos bahan mentah, malah turut merangkumi kos sewa dan perkhidmatan antara perniagaan (B2B) yang kini turut tertakluk di bawah SST.

"Akhirnya, peningkatan kos ini dijangka diserap oleh pengguna dan menambah tekanan kepada kos sara hidup," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Sementa menyokong pembangunan sistem percukaian yang adil, progresif dan telus, namun pelaksanaannya perlu dilakukan secara berperingkat serta melibatkan rundingan terbuka bersama semua pihak berkepentingan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**



FENTANYL dirujuk sebagai 'ubat zombi' yang memberi implikasi terhadap paru-paru dikesan dalam cecair vape.

## Haramkan rokok, vape yang bercampur dadah

**SELARAS** dengan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2025, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan supaya mengharamkan semua produk rokok termasuk vape. Larangan sebahagian daripadanya yang dilakukan ketika ini berulang kali gagal dan mudah dielakkan oleh pihak industri.

Di Malaysia, produk vape bercampur ganja dijual sejak 2015 dan pada 2023, vape 'Magic Mushroom' didapati mengandungi koktel dadah sintetik.

Baru-baru ini dilaporkan fentanyl dikesan dalam sistem kumbahan. Situasi ini cukup memerlukan kerajaan merasa bimbang kerana ubat ini adalah 50 hingga 100 kali ganda lebih kuat daripada morfin. Bahkan bahan ini digunakan dalam cecair vape.

Fentanyl dirujuk sebagai 'ubat zombi'. Ini kerana pengguna akan mengalami kesan buruk pada paru-paru dengan menekan aktiviti neuron inspiratori, menyebabkan kemurungan pernafasan yang boleh membawa kegagalan pernafasan secara tiba-tiba. Banyak klip video tentang kesan Fentanyl dimuatnaik di laman YouTube.

Pengharaman terhadap semua produk rokok dan vape wajar kerana beban kesihatan awam semakin meningkat selain menimbulkan risiko serius untuk menyemarakkan lagi letagihan dadah.

Lebih membimbangkan lagi ialah produk ini kekal mudah diakses dalam talian tanpa perlu pengesahan umur.

Jadi, langkah terbaik adalah dengan mengharamkan semua produk rokok dan vape sebelum pengguna menjadi penagih nikotin jangka panjang atau lebih teruk lagi, beralih kepada dadah lain.

**MOHIDEEN ABDUL KADER**

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)

# Isu gaji dan kos sara hidup perlukan sokongan semua pihak

● Isu gaji rendah dalam kalangan graduan memberi kesan ekonomi jangka panjang kerana kumpulan ini sepatutnya menjadi penyumbang utama aktiviti ekonomi domestik

● Dengan usaha berterusan, isu gaji rendah dan ketidaktentuan ekonomi ini boleh diatasi secara sistematis dan mampam kerana dasar jangka panjang mula dilaksanakan

Oleh Alzahrin Alias  
bhrencana@bh.com.my

**Artikel** keluaran akhbar ini pada minggu lalu bertajuk ‘Sampai bila kita mahu penceg awal tetapi poket masih kosong’ mendapat pelbagai reaksi berbeza daripada pembaca dan netizen.

Ada yang menyokong, tetapi ramai juga menyaygih. Paling banyak disurakan adalah bagaimana ingin penceg bermarjau jika gaji setiap bulan juga tidak mencukupi.

Setiap kali tiba hujung bulan, sudah pasti media sosial dibanjiri kelebihan, gaji habis sebelum cukup bulan, baki akan tinggal beberapa ringgit dan ramai terpaksa bergantung kepada kad kredit atau pinjaman untuk merusak hidup.

Bagi ramai orang muda, ini bukan kisah babaru. Sebaliknya, ia realiti harian kian menghimpit. Ramai menyuarakan punca utama masalah ini adalah gaji kecil, bukan sikap malas atau tidak berusaha.

Dalam keadaan harga barang meningkat dan kos hidup terus melonjak, gaji diterima semakin tidak mencukupi. Maka, timbul persoalan besar, mengapa ini masih berlaku walaupun negara terus mencatat pertumbuhan ekonomi?

Laporan *BH* pada Mei 2025 menyatakan bahawa 65 peratus pemegang ijazah di negara ini menerima gaji sekitar RM3,000 atau ‘cukup-cukup makan’, tanpa ruang untuk simpanan atau pelaburan jangka panjang.

Ini adalah cabaran sebenar bagi kerajaan, sedang berusaha meningkatkan kualiti pendidikan dan keupayaan ekonomi negara.

Menurut Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, seo-

rang dikagumi dalam dunia ekonomi, isu gaji rendah dalam kalangan graduan memberi kesan ekonomi jangka panjang kerana kumpulan ini sepatutnya menjadi penyumbang utama aktiviti ekonomi domestik.

**Laksana inisiatif tingkat pendapatan rakyat**  
Jika mereka tidak mampu berbelanja atau menyimpan, ia melemahkan asas pertumbuhan masa depan. Penulis yakin, kerajaan sedar cabaran ini dan mula melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Ia termasuk menaikkan kadar gaji minimum, mensambung insentif pekerjaan bermula tinggi melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) serta memperluas perlindungan sosial untuk pekerja sektor informal.

Antara fokus utama kerajaan ialah menaik taraf nilai tenaga kerja tempatan melalui pelbagai inisiatif peningkatan kemahiran, latihan semula dan peningkatan kemahiran

Namun, perlu diakui bahawa perubahan struktur ekonomi memerlukan masa. Sektor swasta juga memainkan peranan penting dalam menjawab agenda reformasi ini, termasuk menawarkan gaji lebih kompetitif serta membuka peluang kepada tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi.

Pada masa sama, ramai beralih kepada pekerjaan gig untuk menampung keperluan hidup. Walaupun fleksibel dan menjana pendapatan segera, kerjaya gig bukan penyelesaian jangka panjang.

Laporan menunjukkan hanya 28 peratus pekerja gig dilindungi caruman Pertubuhan Kesihatan Sosial (PERKESO), manakala selebihnya tidak mempunyai jaminan jika berlaku kemalangan atau kecederaan.

Kerajaan kini sedang memperluas perlindungan sosial melalui Inisiatif i-Saraan dan program PERKESO khusus untuk pekerja ekonomi gig. Usaha ini penting supaya mereka tidak terpinggir daripada sistem perlindungan yang selama ini hanya dinikmati pekerja sektor formal.

Salah satu fokus utama kerajaan hari ini ialah menaik taraf nilai tenaga kerja tempatan melalui pelbagai inisiatif peningkatan kemahiran, latihan semula (reskilling) dan peningkatan kemahiran (upskilling).

Program seperti TVET MADANI, Akademi Letihan Industri Berasaskan Permintaan (A-LIBP) dan kolaborasi strategik antara universiti dan industri kini digerakkan secara agresif untuk memastikan graduan lebih bersedia dan kompetitif di pasaran kerja.

Selain itu, usaha seperti Program MyFutureJobs oleh PERKESO dan Insentif Penggajian Belia memberi galakan kepada majikan menggaji pekerja tempatan dengan gaji lebih berpatutan, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan formal.

Kerajaan juga terus meneliti struktur gaji sektor awam dan swasta melalui Kajian Sistem Saran dan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang dijangka membawa penyelesaian semula bagi memastikan pekerja tidak terus terperangkap dalam kategori berpendapatan rendah.

Sebagai sebuah negara membangun, sudah pasti Malaysia tidak pernah sunyi daripada cabaran. Namun hakikatnya, isu gaji dan kos sara hidup bukan masalah boleh diselesaikan secara sepihak.

Langkah reformasi sedang berjalan, tetapi memerlukan sokongan semua pihak termasuk sektor swasta, institusi pendidikan dan rakyat sendiri.

Dengan usaha berterusan, isu gaji rendah dan ketidaktentuan ekonomi ini boleh diatasi secara sistematis dan mampam kerana dasar jangka panjang mula dilaksanakan, justeru kita mempunyai asas kukuh untuk membawa perubahan sebenar dan berkekalan.

Kita mungkin belum sampai ke destinasi diimpikan tetapi sudah berada di landasan betul. Yang penting, jangan berhenti bergerak bersama.



Wartawan Ekonomi BH

luhan, gaji habis sebelum cukup bulan, baki akan tinggal beberapa ringgit dan ramai terpaksa bergantung kepada kad kredit atau pinjaman untuk merusak hidup.

Bagi ramai orang muda, ini bukan kisah babaru. Sebaliknya, ia realiti harian kian menghimpit. Ramai menyuarakan punca utama masalah ini adalah gaji kecil, bukan sikap malas atau tidak berusaha.

Dalam keadaan harga barang meningkat dan kos hidup terus melonjak, gaji diterima semakin tidak mencukupi. Maka, timbul persoalan besar, mengapa ini masih berlaku walaupun negara terus mencatat pertumbuhan ekonomi?

Laporan *BH* pada Mei 2025 menyatakan bahawa 65 peratus pemegang ijazah di negara ini menerima gaji sekitar RM3,000 atau ‘cukup-cukup makan’, tanpa ruang untuk simpanan atau pelaburan jangka panjang.

Ini adalah cabaran sebenar bagi kerajaan, sedang berusaha meningkatkan kualiti pendidikan dan keupayaan ekonomi negara.

Menurut Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, seo-



Program MyFutureJobs anjuran PERKESO dan Insentif Penggajian Belia beri peluang pekerja mendapat gaji lebih berpotensi

## Perluasan SST beri kesan perbelanjaan pengguna

**PETALING JAYA** — Perluasan skop pengenaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bermula 1 Julai ini dijangka memberi impak negatif kepada sektor pengguna, menurut CIMB Securities.

Firma penyelidikan pasaran itu berkata, ia berdasarkan dua sebab utama iaitu peningkatan kos operasi perniagaan dan jangkaan permintaan pengguna menjadi lebih lemah.

"Kami menjangkakan kebanyakannya syarikat pengguna perlu menaikkan harga jualan untuk memindahkan kos tambahan, yang boleh melemahkan lagi kuasa perbelanjaan dengan perluasan SST mungkin menghakis saiz dompet disebabkan harga lebih tinggi untuk barang tidak penting dan jutal lebih luas bagi perkhidmatan yang dikenakan cukai."

Memandangkan sentimen pengguna yang lemah, kami percaya bahawa syarikat pengguna juga berpotensi menghadapi tekanan margin, memandangkan

kemungkinan perniagaan perlu menyerap sebahagian peningkatan kos untuk memastikan kemampuan pengguna.

"Pengguna akan mengutamakan perbelanjaan penting berbanding pembelian mengikut budi bicara jadi perniagaan berkaitan barang budi bicara akan lebih terjejas, sebaliknya permintaan untuk barang rujti sepatutnya kekal berdaya tahan, memberi manfaat kepada pengeluar dan peruncit yang produksinya cenderung kepada keperluan harian," katanya dalam nota kajian semalam.

Tambahnya, dalam sektor pengguna, ia menyokong fokus kepada syarikat yang mendapat manfaat daripada permintaan tidak anjal untuk keperluan harian serta mereka yang berada pada kedudukan baik untuk memanfaatkan trend penurunan dagangan pengguna dengan menyasarkan segmen pasaran massa.

Perluasan SST berkuat kuasa



PENIAGA bakal berdepan kenaikan kos operasi sekali gus akan memindahkan beban tersebut kepada pengguna.  
— GAMBAR HIASAN

Julai bertujuan mengukuhkan kedudukan fiskal negara dengan meluaskan asas cukai dan dijangka untuk menjana RM10 bilion hasil cukai tambahan pada asas

tahunan.

Walaupun barang keperluan penting kekal dikecualikan cukai, barang mengikut budi bicara dan bukan keperluan akan

dikenakan cukai lima hingga 10 peratus, manakala cukai perkhidmatan akan dilanjutkan untuk meliputi kategori baharu seperti sewa dan pembinaan.

# B40 tidak terkesan peluasan SST - Pakar

Peluasan skop cukai dilakukan bersasar, tidak dikenakan kepada semua golongan

Oleh NOR SYAZRINA MUHAMAD TAHIR SHAH ALAM

Golongan berpendapatan rendah atau B40 tidak akan terkesan dengan peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang akan dilaksanakan mulai 1 Julai ini.

Sebaliknya, peluasan itu hanya memberi kesan kepada golongan mahakaya iaitu kumpulan yang berkemampuan untuk berbelanja besar dan memiliki barang mewah.

## JENIS-JENIS PERKHIDMATAN DIKENAKAN CUKAI:

1. Perkhidmatan sewaan atau pajakan (**8 peratus**)
2. Perkhidmatan kecantikan (**8 peratus**)
3. Perkhidmatan pendidikan (**6 peratus**)
4. Perkhidmatan jagaan kesihatan (**6 peratus**)
5. Perkhidmatan pendidikan (**6 peratus**)
6. Perkhidmatan kewangan (**8 peratus**)
7. Perkhidmatan kerja pembinaan (**6 peratus**)

Pakar ekonomi UniKL Business School, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, peluasan itu jelas merupakan cukai ke-penggunaan atau *consumption tax* yang lebih bersasar dan tidak dikenakan kepada semua golongan.

"SST ini dikenakan kepada mereka yang mampu memiliki barang mewah dan mampu berbelanja sesuai dengan pendapatan mereka, peluasannya kali ini lebih kepada sasarananya dan bukan kepada umum."

"Dalam arti kata lain kepada mereka yang berkeupayaan berbelanja besar," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Sebelum ini, kerajaan mengambil pendekatan bersasar dalam pelaksanaan semakan semula Cukai Jualan (CJ) serta memperluaskan skop Cukai Perkhidmatan (CP) bagi memastikan orang ramai tidak terbeban dengan pelaksanaan cukai tersebut bermula 1 Julai ini.

Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, semakan semula cukai berkenaan bertujuan mengukuhkan kedudukan fiskal negara dengan meningkatkan hasil dan meluaskan asas percukaian.

Dalam pada itu, Aimi Zulhazmi berkata, ekonomi domestik negara kekal rancak walaupun berdepan cabaran ekonomi global, justeru sasaran hasil tambahan kerajaan sebanyak RM5 bilion bukan sesuatu yang sukar dicapai.



AIMI ZULHAZMI

"Peluasan skop SST itu sebenarnya menghampiri skop cukai barang dan perkhidmatan (GST) dahulu.

"Dan berdasarkan ekonomi domestik negara yang terus rancak walaupun ekonomi global dicabar hebat, bukan satu masalah untuk mencapai sasaran

hasil kerajaan tambahan iaitu RM5 bilion," ujarnya.

Bagaimanapun, Aimi Zulhazmi menjelaskan, peluasan SST ini berisiko memberi tekanan kepada kadar inflasi semasa yang kini berada pada paras 1.4 peratus.

Katanya, ia berlaku apabila kos tambahan akibat cukai itu dipindahkan oleh pihak pengeluar kepada pengguna dan perniagaan di hujung rantaian bekalan.

"Peluasan skop SST ini berisiko untuk menaikkan kadar inflasi semasa iaitu 1.4 peratus.

"Ia berikutnya kenaikan tersebut akan dipindahkan oleh pihak pengeluar dalam rantaian nilai bekalan barang dan perkhidmatan seterusnya kepada pengguna serta perniagaan yang berada di hujung," jelas beliau.

Namun, Aimi Zulhazmi menegaskan, kadar kenaikan inflasi dijangka masih terkawal kerana cukai tersebut tidak melibatkan barang keperluan harian yang digunakan oleh majoriti rakyat.

"Bagaimanapun kenaikan kadar itu masih terkawal. Ia mungkin hanya meningkat sedikit kerana banyak melibatkan barang mewah bernilai tinggi, bukan barang keperluan seperti makanan dan minuman," kata beliau.

## Food importers worry about added cost

**PETALING JAVA:** As the government moves to impose a 5% sales tax on a wider range of imported food, local importers warn that the rising costs will ultimately be borne by Malaysian consumers and could affect healthy eating habits.

Chef Sivaji, a salmon importer and smoked salmon manufacturer in Malaysia, has voiced his concern over the decision to raise

the Sales and Service Tax (SST) on imported salmon and cod.

"If 1kg of salmon costs RM35, with the 5% SST that's an extra RM1.75 in tax. So, for a 5kg fish, we're paying RM8.75 to the government."

"On top of that, there are already so many other taxes. Now, the government has decided to tax healthy food like salmon," he said.

He said the new tax will ultimately be passed on to consumers.

"The taxes will be paid by consumers," he said, adding that this will make salmon and cod more expensive at retail level.

Chef Sivaji urged the government to support the industry, noting that Malaysia is a relatively

> SEE NEXT PAGE

## 'Raising SST will burden manufacturers and consumers'

> FROM PREVIOUS PAGE

small player compared to countries such as Thailand, Indonesia and Vietnam.

"The government should be encouraging us to grow this business, not just focus on collecting taxes unnecessarily. It's very sad and unacceptable."

"Besides the SST, we already have to invest in so many things like packaging, processing and transportation. It's a huge burden," he said when contacted.

Chef Sivaji also highlighted Malaysia's role in the salmon industry as a processor rather than exporter, and said that demand has been increasing every year.

"We've been importing seafood like salmon and cod to Malaysia for over eight years, which we then process into smoked salmon. Demand has been growing year by year, but after this SST implementation, I don't know what will happen," he said, adding that they can't absorb the extra cost.

He acknowledged that some might consider cheaper sources such as China, but then getting a halal certification is another challenge.

Items remaining in the 5% sales tax bracket include abalone and lobster, quinoa, cheese, fruit jams and smartphones.

From July 1, the revised sales tax will cover king crab, salmon and cod fish, truffles, imported strawberries, essential oils, silk fabrics and industrial machinery.

Consumers Association of Penang (CAP) president Mohideen Abdul Kader said the association supports the imposition of SST on non-essential items as those who can afford these types of goods may be able to bear the additional tax.

However, he pointed out that a shortage of local fruits has led to Malaysia importing certain varieties from Thailand.

"These are fruits which at a time grew abundantly in our orchards and backyard gardens. Given that local fruits have become increasingly expensive, we urge the government to promote and expand local fruit cultivation."

"This will help lower prices and improve availability before any decision to apply SST to these items is made," he said.

Kuala Lumpur Fruits Wholesalers' Association president Chin Nyuk Moy has expressed concern over the 5% sales tax currently imposed on imported strawberries.

She said it remains unclear whether other imported fruits, such as blueberries and avocados, will also be taxed.

"The most challenging issue for fruit vendors at the moment is the inconsistency in tax application when billing customers."

"We hope to seek clarification from the Finance Ministry and request the publication of a comprehensive list of fruits subject to the sales tax," she added.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

**BERITA ONLINE BERTARIKH 11 JUN 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Jun	Semakan semula cukai SST: Barang, perkhidmatan asas tidak dikenai cukai	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/semakan-semula-cukai-sst-barangan-perkhidmatan-asas-tidak-dikenai-cukai/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/semakan-semula-cukai-sst-barangan-perkhidmatan-asas-tidak-dikenai-cukai/</a>	UTUSAN
11-Jun	KPDN umum 3 barang keperluan asas terus dikecualikan daripada cukai	<a href="https://www.mediatelus.com/detail/8735">https://www.mediatelus.com/detail/8735</a>	MEDIA TELUS
11-Jun	Semakan, peluasan SST mencerminkan pendekatan pragmatik untuk kemampunan fiskal - CTIM	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semakan-peluasan-sst-mencerminkan-pendekatan-pragmatik-untuk-kemampunan-fiskal-ctim-524338">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semakan-peluasan-sst-mencerminkan-pendekatan-pragmatik-untuk-kemampunan-fiskal-ctim-524338</a>	ASTRO AWANI
11-Jun	Peluasan skop SST mulai Julai ini tetap lindungi rakyat dalam kumpulan B40 dan M40	<a href="https://suara.tv/09/06/2025/peluasan-skop-sst-mulai-julai-ini-tetap-lindungi-rakyat-dalam-kumpulan-b40-dan-m40/">https://suara.tv/09/06/2025/peluasan-skop-sst-mulai-julai-ini-tetap-lindungi-rakyat-dalam-kumpulan-b40-dan-m40/</a>	SUARA TV
11-Jun	Pelaksanaan semakan kadar, perluasan skop SST berkuat kuasa 1 Julai 2025	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semakan-kadar-cukai-jalan-peluasan-skop-cukai-perkhidmatan-berkuat-kuasa-1-julai-mof-524313">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semakan-kadar-cukai-jalan-peluasan-skop-cukai-perkhidmatan-berkuat-kuasa-1-julai-mof-524313</a>	ASTRO AWANI
11-Jun	Pelaksanaan semakan kadar, perluasan skop SST berkuat kuasa 1 Julai 2025	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pelaksanaan-semakan-kadar-perluasan-skop-sst-berkuatkuasan-1-julai-2025/">https://www.buletintv3.my/nasional/pelaksanaan-semakan-kadar-perluasan-skop-sst-berkuatkuasan-1-julai-2025/</a>	TV3
11-Jun	Semakan kadar cukai jualan, perluasan skop cukai perkhidmatan berkuat kuasa 1 Julai – MOF	<a href="https://utusansarawak.com.my/semakan-kadar-cukai-jualan-peluasan-skop-cukai-perkhidmatan-berkuat-">https://utusansarawak.com.my/semakan-kadar-cukai-jualan-peluasan-skop-cukai-perkhidmatan-berkuat-</a>	UTUSAN SARAWAK

11-Jun	Barangan asas, bahan pembinaan dan pertanian tidak dikenakan cukai	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/06/09/barangan-asas-bahan-pembinaan-dan-pertanian-tidak-dikenakan-">https://www.kosmo.com.my/2025/06/09/barangan-asas-bahan-pembinaan-dan-pertanian-tidak-dikenakan-</a>	KOSMO
11-Jun	Rasionalisasi subsidi dorong prestasi ekonomi domestik	<a href="https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/rasionalisasi-subsidi-dorong-prestasi-ekonomi-domestik">https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/rasionalisasi-subsidi-dorong-prestasi-ekonomi-domestik</a>	RTM
11-Jun	Pelaksanaan semakan kadar, perluasan skop SST akan berkuatkuasa 1 Julai ini	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/06/1406128/pelaksanaan-semakan-kadar-perluasan-skop-sst-akan-berkuatkuasa-1">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/06/1406128/pelaksanaan-semakan-kadar-perluasan-skop-sst-akan-berkuatkuasa-1</a>	BERITA HARIAN
11-Jun	Desak subsidi gas LPG dikembalikan, Pemuda Pas Selangor dibidas	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/733075/berita/politik/desak-subsidi-gas-lpg-dikembalikan-pemuda-pas-">https://www.sinarharian.com.my/article/733075/berita/politik/desak-subsidi-gas-lpg-dikembalikan-pemuda-pas-</a>	SINAR HARIAN
11-Jun	Desak subsidi gas LPG dikembalikan, Pemuda Pas Selangor dibidas	<a href="https://negerikita.org/ganding-bahu-dalam-usaha-membanteras-ketirisan-dan-penyalahgunaan-subsidi/">https://negerikita.org/ganding-bahu-dalam-usaha-membanteras-ketirisan-dan-penyalahgunaan-subsidi/</a>	NEGERI KITA
11-Jun	Bung Moktar Gesa Pantau Operasi Ops Gasak, Elak Kekeliruan	<a href="https://umno-online.my/2025/06/10/bung-moktar-gesa-pantau-operasi-ops-gasak-elak-kekeliruan/">https://umno-online.my/2025/06/10/bung-moktar-gesa-pantau-operasi-ops-gasak-elak-kekeliruan/</a>	UMNO ONLINE
11-Jun	PPKB 2021: KPDN perhalusi permintaan pengusaha dobi	<a href="https://www.suarakeadilan.my/post/ppkb-2021-kpdn-perhalusi-permintaan-">https://www.suarakeadilan.my/post/ppkb-2021-kpdn-perhalusi-permintaan-</a>	SUARA KEADILAN
11-Jun	KPDN syor persatuan restoran kemuka memorandum cadangan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/733114/berita/nasional/kpdn-syor-persatuan-restoran-kemuka-memorandum-cadangan">https://www.sinarharian.com.my/article/733114/berita/nasional/kpdn-syor-persatuan-restoran-kemuka-memorandum-cadangan</a>	SINAR HARIAN

11-Jun	Kerajaan Teliti Pindaan Peraturan LPG Bersubsidi untuk Peniaga Mikro dan Kecil Dalam Sesi Libat Urus Hari Ini	<a href="https://sabahnews.com.my/kerajaan-teliti-pindaan-peraturan-lpg-bersubsidi-untuk-peniaga-mikro-dan-kecil-dalam-sesi-libat-urus-hari-ini/">https://sabahnews.com.my/kerajaan-teliti-pindaan-peraturan-lpg-bersubsidi-untuk-peniaga-mikro-dan-kecil-dalam-sesi-libat-urus-hari-ini/</a>	SABAH NEWS
11-Jun	KPDN pertimbang pindaan had penggunaan LPG bersubsidi untuk peniaga mikro & kecil	<a href="https://sabahmedia.com/2025/06/10/kpdn-pertimbang-pindaan-had-penggunaan-lpg-bersubsidi">https://sabahmedia.com/2025/06/10/kpdn-pertimbang-pindaan-had-penggunaan-lpg-bersubsidi</a>	SABAH MEDIA
11-Jun	KPDN bongkar taktik hantar minyak masak bersubsidi guna kurier	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/kpdn-bongkar-taktik-hantar-minyak-masak-bersubsidi">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/kpdn-bongkar-taktik-hantar-minyak-masak-bersubsidi</a>	UTUSAN
11-Jun	Seleweng minyak peket guna khidmat kurier	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/733142/berita/semasa/seleweng-minyak-peket-guna-khidmat-kurier">https://www.sinarharian.com.my/article/733142/berita/semasa/seleweng-minyak-peket-guna-khidmat-kurier</a>	SINAR HARIAN
11-Jun	KPDN Pulau Pinang Bongkar Kegiatan Seleweng Minyak Masak Bersubsidi Guna Khidmat Kurier	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2432782">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2432782</a>	BERNAMA
11-Jun	KPDN bongkar taktik hantar minyak masak bersubsidi guna kurier	<a href="https://themalaytribune.com/kpdn-bongkar-taktik-hantar-minyak-masak-bersubsidi">https://themalaytribune.com/kpdn-bongkar-taktik-hantar-minyak-masak-bersubsidi</a>	THE MALAY TRIBUNE
11-Jun	Kegiatan seleweng minyak masak bersubsidi tumpas	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarah-berita-nasional/sejarah-artikel/kegiatan-seleweng-minyak-masak-bersubsidi-tumpas">https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarah-berita-nasional/sejarah-artikel/kegiatan-seleweng-minyak-masak-bersubsidi-tumpas</a>	RTM
11-Jun	Penang KPDN exposes new subsidised cooking oil misappropriation tactic	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/penang-kpdn-exposes-new-subsidised-cooking-oil-misappropriation-tactic-BE14233332">https://thesun.my/malaysia-news/penang-kpdn-exposes-new-subsidised-cooking-oil-misappropriation-tactic-BE14233332</a>	THE SUN

11-Jun	Sindiket jual diesel haram bernilai RM1.2 juta tumpas	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/06/1228507/sindiket-jual-diesel-haram-bernilai-rm12-juta-tumpas">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/06/1228507/sindiket-jual-diesel-haram-bernilai-rm12-juta-tumpas</a>	HARIAN METRO
11-Jun	Sindiket jual diesel haram bernilai RM1.2 juta tumpas	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/sindiket-jual-diesel-haram-bernilai-rm1-2-juta-tumpas/">https://www.buletintv3.my/nasional/sindiket-jual-diesel-haram-bernilai-rm1-2-juta-tumpas/</a>	TV3
11-Jun	EPS berlesen, patuh undang-undang – Saravenan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/733135/berita/nasional/eps-berlesen-patuh-undang-undang-ndash-saravenan">https://www.sinarharian.com.my/article/733135/berita/nasional/eps-berlesen-patuh-undang-undang-ndash-saravenan</a>	SINAR HARIAN
11-Jun	Armizan boleh pinda peraturan bila-bila masa sebagai menteri - Ka Siong	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/733140/berita/nasional/armizan-boleh-pinda-peraturan-bila-bila-masa-sebagai-menteri---ka-siong">https://www.sinarharian.com.my/article/733140/berita/nasional/armizan-boleh-pinda-peraturan-bila-bila-masa-sebagai-menteri---ka-siong</a>	SINAR HARIAN
11-Jun	Semakan SST tidak sasar M40 dan B40, tetapi golongan T15 untuk barang, perkhidmatan premium	<a href="https://ceritera.com.my/semaikan-sst-tidak-sasar-m40-dan-b40-tetapi-golongan-t15-untuk-barangan-perkhidmatan-">https://ceritera.com.my/semaikan-sst-tidak-sasar-m40-dan-b40-tetapi-golongan-t15-untuk-barangan-perkhidmatan-</a>	CERITERA
11-Jun	Peluasan SST dijangka kurangkan saiz perbelanjaan pengguna	<a href="https://www.utusan.com.my/ekonomi/2025/06/peluasan-sst-dijangka-kurangkan-saiz-perbelanjaan-pengguna/">https://www.utusan.com.my/ekonomi/2025/06/peluasan-sst-dijangka-kurangkan-saiz-perbelanjaan-pengguna/</a>	UTUSAN
11-Jun	Saiz perbelanjaan pengguna dijangka berkurang selepas peluasan SST dilaksana	<a href="https://suara.tv/10/06/2025/saiz-perbelanjaan-pengguna-dijangka-berkurang-selepas-peluasan-sst-dilaksana/">https://suara.tv/10/06/2025/saiz-perbelanjaan-pengguna-dijangka-berkurang-selepas-peluasan-sst-dilaksana/</a>	SUARA TV